

25/04/1997

KL-Jordan perluas hubungan

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia dan Jordan bersetuju mengadakan mesyuarat suruhanjaya bersama yang akan memperluaskan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara, kata Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Tarikh dan tempat mesyuarat itu belum ditetapkan tetapi ia akan diadakan secepat mungkin, katanya ketika dihubungi dari Jordan.

Abdullah kini berada dalam rangka lawatan ke Jordan selepas melawat Iraq. Beliau mengunjungi Putera Mahkota Jordan, Hassan Talal, Perdana Menteri Abdul Salam Al-Majali, rakan sejawatannya Fayez Tarawmeh dan beberapa Menteri lain.

Antara bidang yang dikenal pasti untuk mesyuarat suruhanjaya bersama itu ialah pelaburan, perdagangan, pelancongan, hubungan udara dan laut serta pembukaan kedutaan Jordan di Kuala Lumpur.

"Pandangan saya ialah kedutaan mereka di Kuala Lumpur harus dibuka secepat mungkin, tak semestinya dibincangkan dalam mesyuarat bersama itu sekiranya usaha memperluaskan hubungan Malaysia-Jordan itu hendak disegerakan," kata Abdullah yang dijadualkan pulang Sabtu ini.

Penubuhan kedutaan Jordan di Kuala Lumpur adalah penting untuk hubungan dua hala yang lebih bermakna dan bagi membolehkan ahli-ahli perniagaan Malaysia berurusan di negara itu, kata Abdullah.

Malaysia sudah mempunyai kedutaan di Amman. Penubuhan suruhanjaya bersama itu telah dipersetujui ketika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Jordan dulu.

Abdullah berkata, perbincangannya dengan Putera Mahkota Hassan serta Menteri-menteri Jordan bertumpu kepada usaha memperluaskan lagi hubungan dua hala khususnya kerjasama dalam bidang pembangunan dan ekonomi.

"Mereka benar-benar hendak meningkatkan hubungan Malaysia-Jordan kerana selama ini, hubungan kami lebih kepada pendidikan dan kebudayaan," katanya.

Abdullah juga mengadakan perjumpaan dengan Menteri Perancangan Rima Khalaf, Menteri Pengangkutan dan Telekomunikasi, Bassam Saket, Menteri Pendidikan dan Pendidikan Tinggi Munther Masri dan Menteri Perdagangan Hani Mulki.

Abdullah berkata, Jordan bercadang mewujudkan kerusi pendidikan Bahasa Melayu di Universiti Al-albayt dengan 700 pelajar Malaysia kini menuntut di situ.

Mengenai pertemuannya dengan Putera Mahkota Hassan, Abdullah berkata mereka juga bertukar pendapat mengenai situasi di Timur Tengah dan imej Islam di peringkat antarabangsa.

(END)